



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) LANCAR KEMPEN #MYJALAN

GERIK, PERAK - KKR melancarkan Kempen MYJalan hari ini bagi meningkatkan akauntabiliti dalam kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan bahawa jalan raya adalah tanggungjawab bersama. Kempen #MYJalan yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri oleh YAB Dato Seri YAB Menteri Besar Negeri Perak, Dato Seri Saarani Bin Mohamad dan juga YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi.

Kempen MYJalan ini adalah platform advokasi dan juga pendedahan kepada pengguna jalan raya tentang penyenggaraan jalan raya sedia ada. Pengukuhan "*No Wrong Door Policy*" di dalam Kempen #MYJalan ini adalah selaras dengan pelancaran aplikasi MyJalan yang dapat meningkatkan keupayaan sistem aduan KKR sedia ada. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada, namun ia lebih bersifat mesra pelanggan dan holistik. Aplikasi ini boleh didapati secara percuma dengan memuat turun daripada App Store untuk sistem operasi iOS, Play Store untuk pengguna sistem operasi Android dan Huawei AppGallery untuk pengguna Huawei. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini di mana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut secara atas talian.

Bagi mengurangkan isu "*backlog maintenance*" atau penyenggaraan tertunggak yang menjadi punca buruk kepada kerosakan infrastruktur negara, peruntukan khas Jurutera Daerah bagi kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan seluruh negara telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada pihak KKR. Peruntukan ini adalah untuk membantu daerah-daerah melaksanakan kerja penyenggaraan segera yang melibatkan aduan orang ramai terutama apabila melibatkan aduan di luar skop penyenggaraan jalan syarikat konsesi. Sehingga Julai 2023, peruntukan sebanyak RM17juta telah diluluskan bagi Semenanjung Malaysia, manakala bagi Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM3juta.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉️ PRO@KKR.GOV.MY 📍 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR_MALAYSIA) 📺 [@MOWORKS](https://www.instagram.com/MOWORKS) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Pada majlis yang sama, simbolik penyerahan peruntukan penyenggaraan kepada 12 Jurutera Daerah di Negeri Perak telah diadakan. Sehingga Julai 2023, RM3.2 juta peruntukan Jurutera Daerah telah disalurkan kepada 12 daerah di Negeri Perak. Menerusi peruntukan tambahan ini, hasrat KKR adalah bagi memastikan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan lebih baik menepati hasrat pengguna jalan raya.

Lokasi yang dipilih untuk majlis ini adalah istimewa iaitu di laluan Jalan Raya Timur – Barat (FT004). Di bawah lembayung Kempen MYJalan dan bersempena Hari Kebangsaan Malaysia yang ke 66, KKR turut mengadakan Program Setia Bakti Jalan Raya Timur Barat (FT004). Program ini adalah bagi mengenang kembali jasa dan pengorbanan pekerja pembinaan laluan Jalan Raya Timur Barat (FT004). Pada 21 Mei 1974, satu serangan penganas komunis telah merosakkan puluhan unit jentera berat dan pada 27 Ogos 1974, seramai 3 orang petugas JKR telah terbunuh semasa bekerja untuk membina laluan ini dan juga ratusan dari unit keselamatan telah gugur antara tahun 1968 hingga 1989 semasa pembinaan jalan raya ini dilaksanakan. Pada majlis tersebut 37 orang bekas pekerja pembinaan Jalan Raya Timur Barat (FT004) telah hadir dan menerima momento kenangan yang disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sebagai simbolik menghargai jasa bakti yang telah dicurahkan.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM45.676 juta telah diluluskan bagi membaik pulih kerosakan jalan di laluan Jalan Raya Timur Barat (FT004) ini. Daripada jumlah tersebut, RM44.728 juta diperuntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan berkala pavemen manakala bakinya sebanyak RM948 ribu pula adalah bagi kerja-kerja penyenggaraan berkala bukan pavemen.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

24 OGOS 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur